

Warta Draf KL 2020 ditangguh kali kedua

KUALA LUMPUR 12 Julai - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sekali lagi terpaksa menangguhkan tarikh pewartaan Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL) buat kali kedua.

Draf itu sepatutnya diwartakan pada 1 Julai lalu setelah penangguhan kali pertama dibuat pada 30 September tahun lalu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail berkata, tarikh akhir yang ditetapkan kepada pihak-pihak untuk tugasan pewartaan pelan tersebut adalah pada 28 Februari tahun depan.

"Kami pada dasarnya sudah bersedia untuk memulakan pada tarikh ditetapkan, tetapi penangguhan terpaksa dibuat berikutan masih mendapat bantahan penduduk pada sesi pendengaran terakhir Mac lalu.

"Mereka membantah perkara yang membabitkan penggunaan ta-

nah bagi projek River of Life (ROL) dan pengangkutan awam seperti laluan Mass Rapid Transit (MRT)," katanya pada sidang akhbar khas bersama Ahli-ahli Parlimen Kawasan Kuala Lumpur dan wakil media di sini hari ini.

Sidang akhbar tersebut diadakan oleh Ahmad Fuad sebagai penghargaan kepada wakil rakyat dan pihak media yang memberi kerjasama terhadapnya sepanjang memegang jawatan Datuk Bandar.

Ahmad Fuad akan bersara pada Ahad ini selepas tamat tempoh kontrak dan tempat beliau akan diisi oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Ahmad Phasal Talib berkuat kuasa Rabu depan.

Tambah Ahmad Fuad, penangguhan kali kedua itu membuktikan ketelusan dan tidak pernah menyembunyikan fakta kepada orang ramai dan pihak berkepentingan.



AHMAD Fuad Ismail (tiga dari kanan) pada sidang akhbar khas bersama Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan media sebagai penghargaan kepada pihak berkenaan sepanjang tempoh perkhidmatannya, semalam.

Terdahulu, beberapa Ahli Parlimen yang hadir mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ahmad Fuad sambil bertanyakan beberapa perkara berkaitan kawasan mereka.

Sementara itu, dalam majlis yang berlangsung hampir dua jam itu, Ahli Parlimen Cheras, Tan Kok Wai secara berseloroh mempelawa Ahmad Fuad untuk menyertai mereka dalam arena politik.

Namun, Datuk Bandar kesembilan itu dalam nada berseloroh berkata, beliau tidak terfikir untuk menceburi bidang itu sebaliknya hanya mahu menjadi petani biarpun bapanya bekas wakil rakyat.